

# Peranan blok Asia Tenggara diiktiraf dunia

BERITA HARIAN 1.0 JUL 2025

m/s. 6

**Kuala Lumpur:** Peranan ASEAN jelas mendapat tumpuan dan diiktiraf pada peringkat dunia, apabila negara luar sentiasa bertanya mengenai blok itu ketika kunjungan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke luar negara.

Perdana Menteri berkata, dalam setiap pertemuan bersama pemimpin luar, mereka tidak terlepas daripada bertanyakan soal ASEAN, sekali gus menunjukkan blok itu berjaya menerima penghormatan, selain me-

ngukir kedudukan mengagumkan.

“Saya baru sahaja pulang dari Rio (Rio de Janeiro, Brazil) dan sebelum itu dari Itali dan Perancis. Dalam setiap pertemuan bersama pemimpin, termasuk sesi dua hala dengan Malaysia, tanpa kecuali, mereka bertanyakan mengenai ASEAN.

“Semua mengiktiraf peranan ASEAN. ASEAN kini berjaya mengukir kedudukan yang mengagumkan serta mendapat penghormatan dan pengiktira-

fan yang besar pada peringkat antarabangsa,” katanya pada ucapan pembukaan Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN (AMM) Ke-58 di sini, semalam.

Anwar berkata, beliau melihat pencapaian ASEAN ke tahap ini adalah hasil kepercayaan dan persahabatan yang terjalin erat antara pemimpin, termasuk dalam kalangan menteri luar.

Katanya, pelbagai fasa sudah berjaya dilalui demi memastikan kejayaan ASEAN, termasuk dalam bidang yang diakui masih

menghadapi kekangan antaranya perdagangan intra-ASEAN dan pelaburan bersama.

“Namun, kita tetap mencapai kemajuan yang membanggakan, sekali lagi saya tegaskan, ia adalah hasil daripada tahap kepercayaan dan keyakinan yang tinggi antara kita,” katanya.

Perdana Menteri berkata, ASEAN diakui ada berdepan dengan beberapa isu lebih sensitif antaranya membabitkan Myanmar, Konsensus Lima Perkara (5PC).

Beliau berkata, timbul juga persoalan sama ada ASEAN dapat mengatur perjumpaan dengan wakil junta atau ahli Kerajaan Perpaduan Nasional (NUG), namun ia sudah dibincangkan dengan telus.

Katanya, melalui perbincangan dengan pemimpin, sokongan penuh dan keyakinan diberikan tanpa pengecualian sebelum usaha dilaksanakan dalam mencari titik persefahaman bersama mengenai hala tuju seterusnya.